



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KPM.600-12/1/4 Jld. **54 (86)**
Tarikh : **25** Julai 2024

Encik Donny Koo Hon Nien
Ketua Pemuda
Belia Persekutuan Kayinchu Malaysia
No. 63-B, Tingkat 3, Jalan Sultan
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN LANJUTAN TARIKH PERTANDINGAN MATEMATIK KAYINCHU TAHUN 2024 ANJURAN BELIA PERSEKUTUAN KA YIN CHU MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat tuan bertarikh 27 Jun 2024 dan surat kami bernombor rujukan KPM.600-12/1/4 Jld. 51 (15) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima maklumat terkini berhubung lanjutan jemputan tarikh menyertai **Pertandingan Matematik Kayinchu 2024** daripada pihak tuan. Pihak KPM mengambil maklum pelanjutan tarikh baharu jemputan adalah seperti berikut:

Tarikh asal	Tarikh baharu
2 Oktober 2024	26 Oktober 2024

3. BSKK turut mengambil maklum serta tiada halangan untuk pihak tuan. terus melaksanakan program ini dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini. Pihak tuan adalah diingatkan bahawa KPM berhak menarik balik kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Dr. Mohd Azly bin Zakaria** di talian **03-88841017** atau e-mel **azly.zakaria@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZURAINI BINTI ABU HASSAN)

b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri